



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - RABU, 15 JANUARI 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



15/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	55 KANAK-KANAK GISBH DISELAMATKAN DI PERAK SUDAH DITUNTUT KELUARGA		POSITIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/55-kanak-kanak-gisbh-diselamatkan-di-perak-sudah-dituntut-keluarga/	BULETINTV3.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/01/1160651/all-55-children-rescued-gisb-welfare-homes-perak-claimed-families	NST.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1349016/55-kanak-kanak-gisbh-diselamatkan-di-perak-sudah-dituntut-keluarga	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/707054/berita/nasional/semua-kanak-kanak-gisbh-sudah-dituntut-waris	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/kanak-kanak-gisb-di-perak-sudah-dituntut-ibu-bapa-waris/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1176424/semua-55-kanak-kanak-gisbh-di-perak-dah-dituntut-keluarga	HMETRO.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/01/14/anak-gisb-di-perak-sudah-dituntut-waris/	KOSMO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	TASKA MURAH, DEKAT JADI PILIHAN IBU BAPA		NEUTRAL
	https://www.kosmo.com.my/2025/01/14/taska-murah-dekat-jadi-pilihan-ibu-bapa/	KOSMO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	SAMPAI BILA BAYI MATI DI TASKA TERUS BERLAKU		NEUTRAL
	https://www.sinarharian.com.my/article/707022/suara-sinar/analisis-sinar/sampai-bila-bayi-mati-di-taska-terus-berlaku#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MALAYSIA MADANI

15/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	TIADA LAPORAN BULI SIBER, GANGGUAN SEKSUAL PELAJAR SEKOLAH DI MELAKA – EXCO		POSITIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/tiada-laporan-buli-siber-gangguan-seksual-pelajar-sekolah-di-melaka-exco/	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	MANGSA BANJIR MENURUN KEPADA 2,510 ORANG		POSITIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/01/14/mangsa-banjir-menurun-kepada-2510-orang/	KOSMO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	POLIS TAHAN LELAKI TUNJUK KEMALUAN PADA WANITA		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1349196/polis-tahan-lelaki-tunjuk-kemaluan-pada-wanita	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/707100/berita/semasa/lelaki-berkelakuan-tidak-senonoh-diberkas	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/01/14/lelaki-tunjuk-kemaluan-pada-wanita-ditahan-polis/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	GURU DIDAKWA CABUL DUA MURID PEREMPUAN		NEGATIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/guru-didakwa-cabul-dua-murid-perempuan/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/707060/berita/mahkamah/guru-tak-mengaku-raba-dua-murid-dalam-rumah-hantu	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/guru-lelaki-didakwa-cabul-dua-murid-dalam-rumah-hantu-sekolah-504479	ASTROAWANI.COM	
	https://malaysiagazette.com/2025/01/14/guru-nafi-cabul-dua-murid-dalam-rumah-hantu-sekolah/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



15/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.youtube.com/watch?v=M5RW-rMLd70	YOUTUBE	
	https://wartaoriental.com/2025/01/14/guru-didakwa-cabul-dua-murid-perempuan/	WARTAORIENTAL.COM	
	https://www.kosmo.com.my/2025/01/14/guru-didakwa-cabul-dua-murid-dalam-rumah-hantu/	KOSMO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	CABUL ANAK ATAS MOTOSIKAL, TUKANG RUMAH DIPENJARA 5 TAHUN, 2 SEBATAN		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/cabul-anak-atas-motosikal-tukang-rumah-dipenjara-5-tahun-2-sebatan/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1349047/bapa-cabul-anak-kandung-atas-motosikal-dipenjara-lima-tahun-dua-sebatan	BHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	TIGA LELAKI DIDAKWA TERBABIT PORNOGRAFI KANAK-KANAK		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1349230/tiga-lelaki-didakwa-terbabit-pornografi-kanak-kanak	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/01/14/tiga-lelaki-dituduh-miliki-bahan-pornografi-kanak-kanak/	KOSMO.COM.MY	
	https://thesun.my/cerita/berita/tiga-lelaki-didakwa-atas-kesalahan-pornografi-kanak-kanak-AF13522389	THESUN.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=Q1eiVMuNc6c	YOUTUBE	
	https://malaysiagazette.com/2025/01/14/tiga-lelaki-temasuk-pembantu-makanan-didakwa-miliki-video-pornografi-kanak-kanak/	MALAYSIAGAZETTE.COM	



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN ANALITIK HARIAN
RABU, 15 JANUARI 2025




LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm




LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA TRADISIONAL

PECAHAN RANGKUMAN BERDASARKAN KATEGORI



PECAHAN RANGKUMAN BERDASARKAN KATEGORI




LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM


www.kpwkm.gov.my • kpwkm




LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA TRADISIONAL




LIPUTAN BERDASARKAN JENIS MEDIA



LIPUTAN BERDASARKAN BAHASA MEDIA



LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN



PEMPENGARUH MEDIA UTAMA


TAJUK BERITA	JUMLAH LIPUTAN
Semua 55 kanak-kanak GISBH di Perak dah dituntut keluarga	7
Polis tahan lelaki tunjuk kemaluan pada wanita	3
Guru tak mengaku raba dua murid dalam rumah hantu	7

TAJUK BERITA UTAMA


LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm


LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA SOSIAL



LIPUTAN BERDASARKAN PLATFORM MEDIA SOSIAL



LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN



PEMPENGARUH UTAMA/KOL

TAJUK BERITA	JUMLAH LIPUTAN
<u>Mayat reput ditemui di tebing sungai mungkin milik wanita hilang</u>	3
<u>15 tahun ikat perut kumpul duit untuk umrah - Jemaah terkandas Selama 15 tahun ikat perut dengan hanya makan nasi berlaukkan bawang dan garam bagi menunaikan</u>	7
<u>Kejam! Ya ALLAH sampainya hati, anak baru tiga tahun dibunuh hanya asbab muntah. #anak #ibubapa #muntah #sinarplus #lifestylesinarharian Tergamaknya!</u>	1

TAJUK TOPIK UTAMA



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA SOSIAL


FRASA PALING POPULAR

trend yang sedang meningkat dalam mesej berkaitan topik



HASHTAG PALING POPULAR

mesej dalam perbincangan dengan menggunakan hashtag yang relevan.





LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm




LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA

METRIK UTAMA




LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN



Net sentiment
This is +1 points compared to the previous period.

Analyzed 923 mentions


- 286 with positive sentiment
- 224 with neutral sentiment
- 413 with negative sentiment



Mostly negative
The majority of conversations about this topic have negative sentiment.

SUSURMASA LIPUTAN - ISU ISU SEMASA

- Semua 55 kanak-kanak GISBH di Perak dah dituntut keluarga
- Tiga lelaki didakwa terbabit pornografi kanak-kanak
- Guru tak mengaku raba dua murid dalam rumah hantu



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



ANALISIS LIPUTAN MEDIA - AGENSI

TOPIK UTAMA

GURU LELAKI DIDAKWA CABUL DUA MURID DALAM RUMAH HANTU SEKOLAH

LIPUTAN BERITA

- o AYER KEROH: Seorang guru lelaki dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas dua tuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap dua murid perempuan Tahun 6, minggu lalu.
- o Tertuduh, Mohd Azhar Mohamad, 44 tahun, bagaimanapun mengaku tidak bersalah sejourus dua pertuduhan terhadapnya dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Rohatul Akmar Abdullah.
- o Mengikut pertuduhan pertama, bapa kepada tiga anak itu didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun dengan cara menyentuh payudara mangsa.
- o tertuduh turut melakukan perbuatan seksual sama terhadap seorang lagi murid lain berusia 12 tahun dengan dengan cara menyentuh payudara dan kemaluan mangsa.
- o Kesalahan itu dilakukan di sebuah sekolah rendah di dalam daerah Melaka Tengah kira-kira pukul 9.30 pagi, 8 Jan lalu.
- o Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan sebat, jika sabit kesalahan.
- o Terdahulu, pendakwaan yang dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Nor Azizah Yusof mencadangkan jaminan sebanyak RM15,000 bagi setiap pertuduhan.
- o Tertuduh yang tidak diwakili peguam bagaimanapun merayu jaminan rendah memandangkan dia masih menanggung ibu serta tiga anak berusia 7, 11 dan 13 tahun yang masih bersekolah.

CADANGAN

Pemantauan Institusi Pendidikan, bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk menjalankan pemeriksaan berkala ke atas institusi pendidikan bagi memastikan persekitaran sekolah selamat. Memastikan sistem pemantauan yang lebih ketat di kawasan rekreasi atau aktiviti seperti "rumah hantu" yang melibatkan interaksi guru-murid. Pendekatan ini perlu dilaksanakan secara holistik untuk memastikan persekitaran pembelajaran yang lebih selamat dan terjamin bagi kanak-kanak.

TINDAKAN

- KPWKM
- JKJ



1 Azhar dibawa ke Mahkamah Sesyen Ayer Keroh hari ini atas dua tuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap 2 perempuan di sebuah rumah hantu di sekolah, minggu lalu. - Foto Astro AWANI

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : 55 KANAK-KANAK PENGHUNI RUMAH KENDALIAN GISBH DITUNTUT KELUARGA

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 15 JAN 2025

M/SURAT : 08

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK



SALBIAH pada Majlis Perasmian Program Gadis Hebat Negeri Perak Tahun 2025 di KPTM Ipoh. - Gambar NSTP/MUHAMMAD ZULSYAMINI SUFIAN SURI

Ipoh: Kesemua 55 kanak-kanak penghuni rumah amal kendalian Global Ikhwan Services and Business Holdings (GISBH) yang diselamatkan menerusi Op Global di Perak sudah dituntut keluarga.

Perkara itu dimaklumkan Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Perak, Datuk Salbiah Mohamed yang memaklumkan semua kanak-kanak itu sudah tidak lagi ditempatkan di rumah

55 kanak-kanak penghuni rumah kendalian GISBH dituntut keluarga

perlindungan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Saya difahamkan semua sudah *clear* (selesai), kebetulan kelmarin (Isnin) saya sempat pergi ke tempat jagaan perlindungan kanak-kanak berkenaan dan semua sudah *clear*."

"Sudah tiada sesiapa di sana kerana semua mereka sudah dituntut keluarga,"

katanya selepas menyempurnakan Majlis Perasmian Program Gadis Hebat Negeri Perak Tahun 2025 di Kolej Poly-Tech Mara (KPTM) Ipoh, Meru Raya, di sini, semalam.

Hadir sama Pengarah Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat Negeri Perak (Wanita Perak), Jamilah Zakaria dan Pengerusi Gabungan Pela-

jar Melayu Semenanjung (GPMS) Perak, Mohamad Faizal Haramaini.

Pada 17 Disember lalu Salbiah ketika itu berkata sebilangan besar daripada 55 kanak-kanak penghuni rumah amal GISBH yang diselamatkan menerusi Op Global di negeri ini sudah dituntut keluarga dengan ketika itu proses tuntutan masih berlaku namun tertakluk kepada hasil siasatan polis.

Salbiah ketika itu mengesahkan tiada penambahan kanak-kanak penghuni rumah amal kendalian GISBH di Perak yang diselamatkan menerusi Op Global selain daripada 55 kanak-kanak yang sebelum ini dilapor diselamatkan pada 26 September lalu.

Pada 16 Disember lalu, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri dilapor berkata, seramai 136 kanak-kanak GISBH yang belum dituntut keluarga, kini ditempatkan di sembilan institusi JKJ.



SALBIAH (kiri) ketika Majlis Perasmian Program Gadis Hebat Negeri Perak Tahun 2025 di KPTM Ipoh, Meru Raya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Taska murah, dekat jadi pilihan ibu bapa

Oleh MOHD AZLI ADLAN, ABDUL RAZAK IDRIS, MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM dan NUR SYAZWANA MANSOR
14 Januari 2025, 8:20 am



Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat Selangor melakukan sitaan terhadap sebuah taska di Bandar Saujana Putra, Kuala Langat pada 9 Januari lalu. – AFIQ RAZALI

PETALING JAYA – Faktor jarak yang dekat dengan kediaman dan harga berpatutan menjadi pilihan utama sebahagian ibu bapa yang ingin menghantar bayi dan anak mereka ke taska bagi memudahkan urusan kerana sibuk bekerja.

Tinjaun Kosmo! mendapati, ada dalam kalangan ibu bapa memilih taska sedemikian biarpun mengetahui ia tidak berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Di **Klang**, Selangor, seorang pengawal keselamatan yang mahu dikenali sebagai Ernie, 30, berkata, walaupun mengetahui taska tempat anaknya yang berusia empat tahun diasuh tidak berlesen, namun dia tetap menghantarnya kerana yuran dikenakan mampu dibayar, selain jaraknya dekat dengan rumah.

“Memang diakui jumlah kanak-kanak agak ramai di situ, namun saya tiada pilihan.

“Suami saya bekerja kilang, gaji pun lebih kurang saya RM2,000 lebih. Apa yang penting masalah menjaga anak selesai,” katanya.

Seorang pekerja swasta, Shahrina Yusri, 26, pula berkata, dia menghantar anaknya berusia lima bulan ke taska tidak jauh dari tempatnya bekerja.

Katanya, seorang rakan memberi cadangan disebabkan dia pun menghantar anaknya berusia dua tahun di taska sama.

Dalam pada itu, terdapat ibu bapa yang mengambil berat soal keselamatan anak-anak mengambil keputusan memilih taska yang betul-betul selamat dan berdaftar dengan JKJ.

Di **Kuala Terengganu**, seorang bakal ibu yang sarat hamil tujuh bulan dalam dilema untuk menghantar bayinya ke taska ekoran penularan beberapa kes penganiayaan di premis berkenaan sehingga membawa kepada kematian akhir-akhir ini.

Sharina Ahmad Tajuddin, 26, berkata, dia yang bekerja sebagai penjawat awam merancang menghantar bayi yang bakal dilahirkannya pada bulan Mac depan ke taska selepas berpantang.

“Rakan sekerja menasihatkan saya menghantar ke taska berdaftar walaupun yuran bulanan mahal,” katanya.

Di **Sungai Petani**, Kedah, seorang ibu kepada dua anak berusia dua dan empat tahun, Nor Juliana Yaakob, 35, berkata, perkara pertama dilakukan sebelum memilih taska ialah memastikan ia berdaftar dengan JKJ.

“Saya juga akan risik-risik dengan orang yang pernah hantar anak ke taska tersebut.. kalau mereka kata tak ada masalah, baru saya hantar,” katanya.

Di **Ipoh**, Perak, seorang kakitangan swasta, Salawati Ahmad, 30, berkata, dia menghantar dua anaknya ke taska swasta berhampiran rumahnya.

“Memang bayaran bulannya agak mahal tetapi saya lebih mementingkan keselamatan anak-anak, selain pusat jagaan ini dilengkapi televisyen litar tertutup,” katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Sampai bila bayi mati di taska terus berlaku

TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN [Follow](#)

14 Januari 2025 08:30am



Insiden bayi mengalami kecederaan ketika di bawah jagaan taska atau pengasuh sudah berulang kali berlaku, malah ada yang melibatkan kehilangan nyawa bayi yang tak berdosanya itu. Gambar hiasan

INSIDEN bayi mengalami kecederaan ketika di bawah jagaan taska atau pengasuh sudah berulang kali berlaku, malah ada yang melibatkan kehilangan nyawa bayi yang tak berdosanya itu.

Hati ibu mana yang tidak sedih melihat anak yang dihantar sihat dan ceria pada pagi hari, tetapi pulang kaku dibaluti kain putih pada sebelah petang.

Tiada siapa mahu perkara malang ini berlaku, namun pelbagai faktor yang menjadi punca kecelakaan berlaku ketika bayi dalam jagaan dan di premis pengasuh dan taska.

Kejadian terbaharu, bapa kepada bayi berusia empat bulan, Khairul Azwan Mohamed Daud, 33, menuntut keadilan buat anaknya, Khairul Handzalah Sufi yang meninggal dunia selepas dihantar ke taska. Anak keduanya itu dihantar ke taska yang terletak di Bandar Saujana Putra dalam keadaan sihat dan ceria.

Sebelum kejadian, anaknya dibawa oleh salah seorang pengasuh taska berkenaan ke klinik dalam keadaan pucat serta didapati kebiruan pada bahagian bibir dan kaki. Anak tersebut kemudiannya disahkan meninggal dunia pada jam 5.05 petang.

Di Kuching pula, polis menahan tiga wanita terdiri daripada pemilik sebuah taska dan dua penjaga premis itu bagi membantu siasatan berhubung kes seorang bayi yang cedera dipercayai digigit. Tangkapan dibuat susulan polis menerima laporan daripada ibu bayi terbabit.

Berdasarkan laporan ibu mangsa, bayi berusia lapan bulan itu didapati mempunyai banyak bekas gigitan pada bahagian belakang badan.

Selain itu, pasangan doktor di Terengganu turut menerima nasib serupa apabila anak mereka, Ahmad Asyar Wildan yang dilahirkan normal kini mengalami cacat kekal akibat didera di taska tidak sampai seminggu dihantar ke premis berkenaan. Ahmad Asyar dihantar ke taska daerah sama didapati pulang dalam keadaan lemah dan kurang respons.

Menyedari perkara itu, ibu bapa bayi berkenaan yang dikenali sebagai Dr Syamil Hadi dan Dr Ferra Ardilla membawa anak mereka ke Hospital Sultanah Nurzahirah Kuala Terengganu sebelum disahkan retak tempurung kepala dan pendarahan otak.

Kecederaan tersebut adalah disebabkan traumatik dan pukulan yang teruk memerlukan masa yang panjang seumur hidup untuk pulih dari segi fizikal, kognitif, emosi serta tingkah laku.

Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu pada 16 Disember lalu menjatuhkan hukuman denda RM45,000 dan perintah khidmat masyarakat selama 180 jam kepada pelaku selepas mengaku bersalah.

Sebelum ini, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri memaklumkan, sebanyak 430 daripada 1,080 taska yang beroperasi secara haram sebelum ini sudah mendapat kelulusan beroperasi dengan sah daripada Jabatan Kemajuan Masyarakat (JKM).

Menurutnya, jumlah tersebut adalah setakat 4 Disember lalu dan kesemua taska itu kini telah mematuhi syarat-syarat dan yang telah ditetapkan JKJ.

Beliau berkata, sebanyak 538 taska yang tidak berdaftar telah selesai dikenakan tindakan termasuklah menghentikan operasi selain diberi notis peringatan atau kompaun setakat 22 April tahun lalu.

Tindakan pemutihan dilaksanakan secara berperingkat bagi memastikan pengusaha mematuhi syarat ditetapkan selain perlu berdaftar dengan JKJ.

Tegas beliau, taska turut diwajibkan memaparkan plak nombor pendaftaran di premis masing-masing berkuat kuasa 1 Januari lalu. Langkah itu diambil bagi membenarkan keyakinan kepada ibu bapa terhadap status lesen taska yang menempatkan anak-anak mereka.

Nancy juga menggesa ibu bapa supaya menghantar anak-anak mereka ke taska dan pusat penjagaan kanak-kanak yang berdaftar.

Ini kerana, katanya, pengoperasian taska dan pusat penjagaan kanak-kanak berkenaan telah diselaraskan supaya memenuhi syarat-syarat teknikal yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta pihak berkuasa tempatan.

Diharap dengan langkah-langkah yang diambil Kementerian itu, pengusaha taska akan lebih berhati-hati dan bertanggungjawab, sekali gus menamatkan insiden melibatkan kecederaan atau kematian bayi.

**Tuan Buqhairah Tuan Muhamad Adnan ialah wartawan Sinar Harian*

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Tiada laporan buli siber, gangguan seksual pelajar sekolah di Melaka – Exco



KALSOM bergambar dengan murid-murid sempena Program Kembali Ke Sekolah: Kekal Selamat Di Dunia Siber di SK Peringgit, Melaka. - AMRAN MULUP/UTUSAN

Oleh AMRAN MULUP 14 Januari 2025, 3:19 pm

MELAKA: Kerajaan negeri belum menerima sebarang laporan kejadian buli siber dalam talian terhadap pelajar sekolah di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Komuniti negeri, Datuk Kalsom Noordin berkata, kejadian itu mungkin berlaku namun ia tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa terutama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Menurutnya, buli siber kini menjadi isu nasional yang merunsingkan ibu bapa dan pemimpin masyarakat kerana ia merupakan fenomena semakin menakutkan.

Beliau berkata, masyarakat tidak boleh menidakkan perkara itu yang sebenarnya berlaku tetapi tidak dilaporkan secara menyeluruh.

Katanya, program yang diadakan bertujuan memperkasa ilmu melayari dunia siber dengan selamat dan mengurangkan risiko ancaman serta memupuk amalan penggunaan internet yang bertanggungjawab.

"Di Melaka setakat ini kita tidak menerima sebarang laporan berhubung kejadian tersebut. Mungkin ada berlaku tetapi ibu bapa tidak melaporkan kepada pihak berwajib.

"Kita lihat 80 peratus kanak-kanak sekolah memiliki telefon bimbit dan mereka amat terdedah kepada dunia alam siber tanpa sempadan dan golongan ini amat terdedah serta mudah terpengaruh.

"Justeru saya minta ibu bapa lebih cakna, memantau anak-anak kerana bahaya besar menanti alam siber ini," katanya selepas merasmikan Program Kembali Ke Sekolah: Kekal Selamat Di Dunia Siber di Sekolah Kebangsaan (SK) Peringgit di sini, hari ini.

Seramai 400 murid menyertai program anjuran pelajar tahun akhir Sarjana Muda Komunikasi Massa (Kepujian) Perhubungan Awam, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Lendu, Alor Gajah.

Kalsom berkata, program tersebut penting buat murid-murid berikutan pendedahan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) bahawa kanak-kanak di 30 negara berdepan masalah buli siber sehingga satu daripada lima orang, ponteng sekolah.

Selain itu katanya, kajian agensi Melwater pada 2023 mendapati golongan muda secara purata menghabiskan masa selama dua jam 47 minit setiap hari melayari internet, melebihi purata global dua jam 31 minit.

"Berdasarkan laporan tersebut, saya telah meminta pihak penganjur yang pada mulanya ingin menganjurkan Program Kembali Ke Sekolah, menyelitikan bahaya besar menanti kanak-kanak di alam siber," katanya. - UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Mangsa banjir menurun kepada 2,510 orang

Oleh NORISMA NAJWA CHE ISMAIL 14 Januari 2025, 4:46 pm



Seorang penduduk, Muhd Faiz Rajab mula mengemas rumah setelah banjir mulai surut di Kampung Sungai Tiram, Ulu Tiram, Johor Bahru semalam. - Foto oleh RAJA JAAFAR ALI

PETALING JAYA – Seramai 2,510 mangsa banjir daripada 726 keluarga direkodkan petang ini, menurun berbanding 2,965 mangsa yang direkodkan pagi tadi.

Menurut Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), jumlah mangsa di Johor, Terengganu dan Sarawak menurun, tetapi Pahang merekodkan peningkatan dengan 186 mangsa daripada 43 keluarga.

Seramai 2,257 mangsa banjir daripada 656 keluarga masih ditempatkan di 22 pusat pemindahan sementara (PPS) yang beroperasi di Kota Tinggi, Kluang, Pontian dan Johor Bahru di Johor.

Sementara di Terengganu, jumlah mangsa menurun kepada 16 mangsa daripada lima keluarga yang kini berada di satu PPS di Dungun, manakala Sarawak juga merekodkan penurunan kepada 20 mangsa daripada 13 keluarga.

Bilangan mangsa banjir di Perak kekal tidak berubah sejak semalam iaitu 31 mangsa daripada sembilan keluarga.

“Sebanyak 26 PPS beroperasi setakat petang ini,” menurut info berkenaan. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : 'NAK CUCI RUMAH PUN SERBA SALAH'

HARI : RABU

TARIKH : 15 JAN 2025

TONE : NEUTRAL

AKHBAR : HARIAN METRO

M/SURAT : 10

SEKTOR : KPWK

Oleh Omar Ahmad
am@hmetro.com.my

Kota Tinggi

Mangsa banjir di daerah ini bimbang kemungkinan berlaku gelombang kedua banjir bermula hari ini sehingga Sabtu.

Penduduk Taman Aman di sini, yang juga tukang masak, Mohd Hairy Musa, 40, berkata, dia masih berunding di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dan pulang ke rumah untuk membuang barangan rosak. Katanya, dia tidak berniat mencuci rumahnya yang ditenggelami banjir sebelum ini kerana bimbang bencana banjir berulang.

"Saya bimbang berikutan Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) mengeluarkan ramalan bakal berlaku gelombang banjir ke dua. "Ini menyebabkan saya serba salah untuk mencuci kediaman dan mengemas semula rumah yang ditenggelami banjir. "Banjir ini bukan banjir biasa berikutan ia membawa lumpur melekat pada lantai dan dinding rumah. Ia sukar dicuci dan disental malah meninggalkan bau busuk," katanya.

Menurutnya, dia dan keluarga masih menghuni PPS berikutan tidak larat

'Nak cuci rumah pun serba salah'

Mangsa banjir bimbang bencana gelombang kedua

untuk mengharungi banjir dan arus deras.

Penduduk, Nur Asna Asyikin Khairudin, 25, memaklumkan banyak barangan kediamannya rosak kerana tidak sempat diselamatkan ketika banjir pada Jumaat lalu.

Beliau juga memilih tidak mengemas rumah sepenuhnya kerana bimbang gelombang banjir berulang. "Sekadar kemah dan buang barangan rosak, memang tidak mahu mencuci lumpur di lantai kerana bimbang banjir akan berulang semula.

Kelmarin, Ketua Pengarah METMalaysia Dr Mohd Hisham Mohd Anip dilaporkan berkata, hujan lebat berterusan dijangka melanda beberapa negeri di Semenanjung, Sabah dan selatan serta barat Sarawak, mulai Rabu depan hingga 18 Januari ini.

"Banjir ini bawa lumpur melekat pada lantai dan dinding rumah"
Mohd Hairy



MOHD Hairy



NUR Asna Asyikin



PENDUDUK Taman Aman dan Taman Mawai yang ditempatkan di PPS SJKC New Kota. -Gambar NSTP/OMAR AHMAD

2,498 mangsa banjir berlindung di 30 PPS

Johor Bahru: Seramai 2,498 mangsa banjir masih ditempatkan di 30 pusat pemindahan sementara (PPS) yang dibuka di empat daerah terjejas, semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN), Tan Sri Dr Azmi Rohani berkata, 732 keluarga masih terjejas susulan bencana banjir di Kota Tinggi, Pontian, Kluang dan Johor Bahru.

Beliau yang juga Setiausaha Kerajaan Negeri Johor berkata, Kota Tinggi masih menjadi daerah paling terjejas memabikan 1,172 mangsa yang berlindung di 14 PPS.

"Di Pontian pula, 739 mangsa daripada 203 keluarga, masih ditempatkan di 10 PPS. Manakala di Kluang, terdapat 534

mangsa daripada 161 keluarga ditempatkan di lima PPS.

"Ada satu PPS masih dibuka memabikan 53 mangsa di Johor Bahru," katanya semalam.

Sementara itu, Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) tidak mengeluarkan sebarang amaran ribut petir dan hujan berterusan di mana-mana daerah di negeri ini.

Pada masa sama, Sungai Kahang yang juga sub-lembangan Sungai Endau di Kluang mencatatkan paras bacaan air sungai di tahap bahaya iaitu 14.73 meter.

Setakat jam 8 pagi semalam, Segamat, Kluang dan Batu Pahat dilaporkan hujan, manakala Pontian, Kota Tinggi, Tangkak dan Kulai dilaporkan mendung.

Kota Tinggi: Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyediakan bilik khas di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) khusus bagi calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menghadapi peperiksaan itu.

Ketua Pengarah Pendidikan, Azman Adnan berkata, calon SPM juga diberikan ruang istirahat dan tidur berasingan daripada mangsa banjir di PPS menempatkan mangsa banjir.

Katanya, kemudahan itu diberikan bagi memastikan calon SPM dapat mengulang kaji pelajaran dalam keadaan lebih selesa selain fokus menghadapi peperiksaan.

"Pihak sekolah menyediakan bilik khas untuk pelajar calon SPM menjalani ulang kaji dan tidur.

"Calon ini tidak ditempatkan mangsa banjir lain. Jadi kesesuaian mereka diberikan keutamaan.

"Seluruh Johor juga gunakan pendekatan sama, kita pastikan pelajar calon

Bilik khas untuk calon SPM



MANGSA banjir ditempatkan di PPS SJKC New Kota berikutan kediaman mereka di Taman Mawai dan Taman Aman dinaiki air berikutan hujan berterusan sejak 10 Januari lalu.

SPM dapat akses untuk menduduki peperiksaan.

"Kita beri pilihan untuk tinggal di asrama sekolah sedia ada, kalau tidak sesuai kita sediakan bilik khas untuk kemudahan calon SPM. Keseluruhan berjalan lancar tiada calon SPM (terkesan banjir) yang tidak pergi peperiksaan,"

katanya selepas melawat PPS di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) New Kota di sini, semalam.

Azman berkata, secara keseluruhannya pengendalian mangsa banjir di PPS sekolah berjalan dengan lancar.

Lawatannya ke tiga PPS termasuk Sekolah Kebang-

saan (SK) Laksamana dan SK Dato Usman Awang di sini, memberi fokus kepada kemudahan disediakan pihak sekolah untuk anak mangsa banjir.

"Anak mangsa banjir sama ada sekolah rendah dan menengah terabit kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : 106 MANGSA BANJIR HUNI DUA PPS

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 15 JAN 2025

M/SURAT : 12

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWK

106 mangsa banjir huni dua PPS

Kuala Terengganu: Seramai 106 mangsa ditempatkan di dua pusat pemindahan sementara (PPS) setakat jam 12 tengah hari semalam susulan akibat ombak besar dan air pasang yang melanda dua daerah di negeri ini.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Terengganu (JPBNT) menerusi kenyataannya memaklumkan dua daerah terbit bencana alam itu adalah Kemaman dan Dungun.

Di **Kemaman**, seramai 92 mangsa daripada 24 keluarga dari Kampung Geliga Baru ditempatkan di PPS Balai Raya Kampung Geliga Pantai yang dibuka Jumaat lalu.

Manakala di **Dungun**, seramai 14 mangsa daripada lima keluarga berteduh di Balai Raya JPKK Bandar Pa-ka yang dibuka Ahad lalu.

Sementara itu, Jabatan



OMBAK menghempas kediaman penduduk yang tinggal di kawasan pantai. - Gambar NSTP/ZAID SALIM

Meteorologi Malaysia (Met-Malaysia) menerusi kenyataan terkini, memaklumkan amaran angin kencang dan laut bergelora dengan angin Timur Laut berke- lajukan 40 hingga 50 kilo- meter sejam (km/j) di ka-

wasan perairan Terengganu, Kelantan, Pahang dan Johor berlaku hingga 18 Januari.

MetMalaysia turut mema- malkan ketinggian ombak boleh mencecah hingga 3.5 meter dan berbahaya ke-

pada bot kecil serta aktiviti rekreasi laut dan sukan laut.

Sehubungan itu, pendu- duk di kawasan pantai di- minta lebih berwaspada dan tidak menghampiri pantai.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Polis tahan lelaki tunjuk kemaluan pada wanita

Oleh Safeek Affendy Razali - Januari 14, 2025 @ 6:12pm
safeek@bh.com.my



Lelaki yang tidak mempunyai rekod jenayah lampau itu kini direman tiga hari dan kes disiasat di bawah Seksyen 509 Kanun Keseksaan. - Foto media sosial

KUALA LUMPUR: Seorang penyelenggara bangunan ditahan selepas disyaki menunjukkan kemaluan kepada seorang wanita di tempat awam di kawasan Savanna Southville City, Sepang, tengah hari semalam.

Lelaki berusia 32 tahun itu ditahan di Labohan Dagang, Sepang, tengah malam tadi selepas pengadu seorang wanita membuat laporan polis.

Timbalan Ketua Polis Daerah Sepang, Superintendan Shan Gopal, berkata ketika kejadian suspek yang berada dalam kereta jenis Proton Iriz berwarna merah dilaporkan memanggil pengadu yang sedang berjalan di kawasan awam.

"Pengadu menghampiri kereta suspek dan mendapati dia sedang menunjukkan kemaluannya.

"Bertindak atas laporan yang dibuat, polis kemudian menahan suspek pada jam 12.15 tengah malam tadi selain turut merampas kereta jenis Proton Iriz yang dipandu suspek," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Shan Gopal berkata, hasil siasatan mendapati suspek tidak memiliki sebarang rekod jenayah lampau.

"Suspek ini telah ditahan reman selama tiga hari di Mahkamah Majistret Sepang dan kes ini disiasat mengikut

Seksyen 509 Kanun Keseksaan," katanya.

Beliau berkata, sekiranya disabit kesalahan, suspek boleh dihukum penjara selama tempoh sehingga lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Katanya, pihak polis amat mengalu-alukan maklumat orang ramai dalam membanteras sebarang aktiviti jenayah khususnya di daerah Sepang.

Terdahulu tular video berdurasi 48 saat dipercayai dirakam oleh pengadu ketika dipanggil oleh suspek yang berada dalam keretanya.

Menyedari dirinya dirakam selain ditegur oleh pengadu, suspek kemudian memandu kereta berkenaan meninggalkan lokasi.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : **TEACHER DENIES MOLESTING FEMALE PUPIL IN 'HAUNTED HOUSE'**

HARI : **RABU**

AKHBAR : **THE STAR**

TARIKH : **15 JAN 2025**

M/SURAT : **03**

TONE : **NEGATIF**

SEKTOR : **KPWKM**

Teacher denies molesting female pupils in 'haunted house'

By **RSN MURALI**
murali@thestar.com.my

MELAKA: A male teacher pleaded not guilty to two counts of allegedly molesting two Primary Six pupils inside a "haunted house" in a school here.

The plea of Mohd Azhar Mohamad, 44, was recorded before Sessions Court judge Rohatul Akmar Abdullah here yesterday.

Based on the charge sheet, the

accused had allegedly molested a 12-year-old schoolgirl.

He allegedly repeated the offence on another 12-year-old female pupil, with both offences allegedly committed at a primary school in Paya Rumpit here at 9.30am on Jan 8.

The charges were framed under Section 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017, which carries a maximum prison term of 20 years and

whipping upon conviction.

Deputy public prosecutor Nur Azizah Yusof prosecuted while Mohd Azhar, who is a father of three, was unrepresented.

The court set bail of RM21,000 with one surety for both charges, as well as setting an additional condition where the accused needs to report to the nearest police station each month until the disposal of his case.

The next mention date is

scheduled for Feb 17.

On Jan 9, Melaka acting police chief Senior Asst Comm Datuk Md Nazri Zawawi told media that the two victims came out crying and shaken after they were invited to "experience" the haunted house, a structure created in conjunction with the school's carnival.

He said they were invited into the house by Mohd Azhar for a "trial run" before he allegedly

molested them.

The two terrified victims ran to the headmistress' office right after their traumatic experience, SAC Md Nazri said.

Both victims were shivering and began crying as they narrated their ordeal to the headmistress.

The accused also allegedly tested positive for drugs during a screening conducted after he was detained on the same day.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Cabul anak atas motosikal, tukang rumah dipenjara 5 tahun, 2 sebatan

© 14 Januari 2025, 1:19pm



MUAR: Tukang rumah yang pernah didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini terhadap pertuduhan amang seksual fizikal ke atas anak perempuan ketika menunggang motosikal, tahun lalu.

Tertuduh, 40, mengaku bersalah selepas pertuduhan dikemukakan oleh jurubahasa sebelum Hakim Sayani Mohd Nor menjatuhkan hukuman penjara lima tahun dan dua sebatan.

Bapa tiga anak itu didakwa melakukan amang seksual terhadap anak perempuannya berusia 14 tahun di dekat Batu Pahat, 9.30 malam, Mei tahun lalu.

Oleh itu, dia didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 14 akta sama, penjara sehingga 20 tahun dan sebatan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Diyana Najihah Muhamed Fauzi manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Sementara itu, tertuduh dalam rayuannya memohon agar dikenakan hukuman paling ringan kerana perlu menanggung anak serta ibunya.

Selain menjatuhkan hukuman itu yang berkuatkuasa dari tarikh ditahan 8 Januari lalu, mahkamah juga memerintahkan tertuduh menjalani pengawasan polis setahun sebaik selesai hukuman.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Tiga lelaki didakwa terbabit pornografi kanak-kanak

Oleh BERNAMA - Januari 14, 2025 @ 7:15pm



Tiga lelaki (memakai pelitup muka) didakwa di Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak di sini hari ini atas pertuduhan berkomunikasi secara seksual dengan kanak-kanak, pengantunan seksual dan memiliki video pornografi. - BERNAMA

PUTRAJAYA: Tiga lelaki didakwa di Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak di sini hari ini, atas pertuduhan berkomunikasi secara seksual dengan kanak-kanak, pengantunan seksual dan memiliki video pornografi.

Ketiga-tiga suspek membuat pengakuan tidak bersalah di hadapan Hakim Datin M Kunasundry.

Mustafa Kasim, 29, yang bekerja sebagai pembantu restoran berdepan tiga pertuduhan, dua daripadanya membabitkan kesalahan berkomunikasi secara seksual terhadap seorang kanak-kanak lelaki menggunakan aplikasi WhatsApp pada 1 petang, 5 Disember 2022 di Kota Damansara, Petaling, Selangor.

Bagi kesalahan itu, dia didakwa di bawah Seksyen 11 (1) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang boleh dihukum penjara tidak lebih tiga tahun.

Untuk pertuduhan kedua, dia didakwa di bawah Seksyen 12 Akta yang sama atas kesalahan berkomunikasi secara seksual terhadap kanak-kanak yang sama dengan meminta kanak-kanak itu menghantar gambar lucah pada tarikh, masa dan tempat yang sama.

Kesalahan itu memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih lima tahun dan boleh juga dikenakan sebatan jika sabit kesalahan.

Bagi pertuduhan ketiga, dia didakwa mengikut Seksyen 10 akta sama, kerana memiliki video pornografi kanak-kanak dan kesalahan itu dilakukan di Pangsapuri Tania Jalan Merbah, Kota Damansara, Petaling, Selangor pada 12.30 tengah hari, 20 Disember 2022.

Sabit kesalahan, dia boleh dihukum penjara tidak lebih lima tahun atau denda tidak lebih RM10,000 atau kedua-duanya sekali.

Hakim Kunasundry menetapkan jaminan RM12,000 untuk semua pertuduhan. Mustafa tidak membayar jaminan dan dihantar ke Penjara Sungai Buloh.

Peguam tertuduh, Datuk Suraj Singh, memohon jaminan dikurangkan atas alasan Mustafa masih dalam jaminan polis dan tujuan jaminan adalah untuk memastikan kehadiranannya ke mahkamah.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Norhana Sahat.

Dua lagi lelaki juga didakwa dengan kesalahan pornografi kanak-kanak dan kedua-duanya mengaku tidak bersalah terhadap tuduhan masing-masing.

Pengurus syarikat, Tan Lye Synn, 41, didakwa memiliki pornografi kanak-kanak di Jalan 17/33, Seksyen 17, Petaling Jaya, Selangor pada 9 malam, 23 Disember lepas, manakala Phoon Mun Tat, 39, didakwa melakukan kesalahan sama pada masa dan tarikh yang sama di Jalan PJU 10/18A, Sutera Damansara, Petaling Jaya, Selangor.

Mereka dibenarkan diikat jamin RM8,000 dengan seorang penjamin setiap seorang. Kedua-dua membayar jaminan berkenaan.

Mahkamah menetapkan 13 Februari depan untuk sebutan semula kes. - BERNAMA